

Iklim ekonomi lebih baik, jamin kesan positif buat golongan muda

Oleh Rohaniza Idris - Ogos 6, 2022 @ 4:56pm
roha@bh.com.my



Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz. - NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

KUALA LUMPUR: Ekonomi negara ketika ini berada pada landasan lebih baik, malah diunjur semakin positif dalam mencapai sasaran lebih enam peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun ini.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata keadaan KDNK yang lebih kukuh ini sangat penting kerana ia mampu menjana pekerjaan khususnya untuk golongan muda negara.

"Kita telah umumkan KDNK suku pertama lima peratus. KDNK suku kedua pada (akan diumumkan) pertengahan Ogos iaitu lagi satu minggu.

"Insya Allah, ia juga akan menunjukkan pertumbuhan yang kukuh," katanya kepada media selepas Sidang Kemuncak Pemimpin Pelajar Malaysia (MSLS) XVI 2022 di sini, hari ini.

Dalam pada itu, beliau berkata, iklim ekonomi negara yang bertambah baik dan semakin menunjukkan pemulihan mampu memberikan jaminan masa depan yang lebih sempurna untuk golongan muda.

Beliau menjelaskan, kebimbangan golongan muda mengenai masa depan mereka ketika negara berdepan pandemik sedikit masa lalu juga semakin pulih.

Katanya, peranan golongan muda dalam pembangunan masa depan negara yang lebih baik amat penting dan sentiasa menjadi keutamaan kerajaan dalam mengimbangi keperluan mereka.

"Bagi kerajaan apa yang penting adalah mereka perlu mempunyai kemahiran yang betul. Justeru, melalui Program Jamin Kerja, sebanyak RM4.8 bilion diperuntukkan yang mana kebanyakannya fokus kepada orang muda.

"Banyak inisiatif yang kita umumkan baru-baru ini juga fokusnya kepada orang muda kerana mereka inilah harapan bangsa kita. Kebimbangan orang muda yang kita bincangkan hari ini adalah dari segi pekerjaan," katanya.

Tengku Zafrul pada masa sama mengakui, golongan muda negara menantikan pertumbuhan industri baharu yang berkembang di peringkat global untuk bertapak di negara ini dan ia diambil maklum kerajaan.

Justeru, katanya, kerajaan ketika ini memberi tumpuan sepenuhnya kepada industri dan segmen masyarakat yang terkesan dengan pandemik COVID-19 yang melanda sedikit masa lalu.

Malah, ketika menyampaikan ucaptama, beliau memaklumkan kerajaan kini memberi tumpuan untuk melabur dalam pembangunan modal insan membabitkan golongan muda.

"Selain RM4.8 bilion dalam Bajet 2022 untuk mewujudkan peluang pekerjaan melalui program Jamin Kerja, kerajaan turut mewartakan pelaksanaan kenaikan gaji minimum RM1,500 bagi menambah baik taraf hidup rakyat.

"Selain itu, tumpuan diberikan kepada aspek inovasi yang akan membolehkan kami mempertingkatkan penggunaan teknologi, yang akan membantu kita meningkatkan produktiviti. Untuk jangka panjang, ini akan menyokong pertumbuhan gaji yang mampan," katanya.

Dalam pembangunan modal insan, beliau berkata suatu yang jarang ditekankan adalah kesihatan mental yang dilihat masih kurang difahami, malah menjadi stigma di negara ini dan ia mestilah diubah.

"Menyedari kepentingan kesihatan mental kepada kesejahteraan dan impak kepada masyarakat, maka dalam Bajet 2021 kerajaan memperuntukkan RM70 juta untuk menangani isu kesihatan mental.

"Ini termasuk melalui peningkatan khidmat sokongan, kaunseling dan perkhidmatan psikososial.

"Dana ini juga digunakan untuk memperkasakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk memacu kesihatan mental dalam negara," katanya

Dalam masa yang sama, beliau menekankan kepentingan membina daya tahan ekonomi dengan melabur dalam pendigitalan dan teknologi.

"Kerajaan melabur dalam infrastruktur dan ketersambungan digital termasuk 5G, yang dijangka menjana RM650 bilion dalam KDNK, merapatkan jurang digital dan mencipta pekerjaan berpendapatan tinggi.

"Malah, pasaran digital di Malaysia meningkat 47 peratus kepada AS\$21 bilion berbanding AS\$14 bilion sebelumnya, didorong pertumbuhan dalam e-perdagangan yang mana jualan meningkat sebanyak 68 peratus," katanya.